

PM lancar kempen kesedaran bahaya dadah

KUALA LUMPUR 25 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden UMNO hari ini melaporkan kempen kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah anjuran Biro Membasmi Dadah UMNO.

Kempen yang dinamakan Kembara Membasmi Dadah Bersama Ford itu yang bermula sejak seminggu lalu, akan menjelajah ke seluruh negara selama 12 bulan.

Menggunakan tiga kenderaan pacuan empat roda jenis Ford, lokasi kempen dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu zon utara, tengah dan selatan.

Sementara itu, Pengerusi Biro Membasmi Dadah UMNO, Datuk Noh Omar berkata, skuad bergerak yang ditubuhkan itu akan menuju ke 1,440 destinasi yang ditetapkan.

Tumpuan

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata, sasaran lokasi ialah tempat-tempat yang sering menjadi tumpuan orang ramai khususnya golongan muda.

"Kita akan bergerak ke tempat-tempat tumpuan umum tidak kira di bandar, kampung mahupun desa dengan membawa bersama artis, selebriti, personaliti dan pakar motivasi sebagai jurucakap kempen.

"Sasaran lokasi termasuk kompleks beli-belah, pesta keramaian, karnival, ekspo, pusat hiburan, konsert, pusat rekreasi, kolej dan sekolah," katanya pada sidang akhbar sempena pelancaran kempen itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan laman web Biro Membasmi Dadah UMNO, www.birodadahumno.com.

Melalui laman web itu, orang ramai boleh berhubung terus melalui Internet ke agensi-agensi kerajaan dan badan-badan yang terlibat dengan pencegahan dadah seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Rakan Cop Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih)